

# PELUANG KERJAJAYA



SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA

**Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:**

- ✓ Keterampilan yang baik;
- ✓ Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- ✓ Bakat kepimpinan;
- ✓ Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- ✓ Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



**IJAZAH  
PENGURUSAN  
DAN  
PROFESIONAL**



**PEGAWAI FARMASI  
GRED UF41**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**Kekosongan : 316**

**Simpanan : 600**

## 1. Syarat Lantikan

- warganegara Malaysia;
- berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- memiliki ijazah dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia.

## 2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.



### 3. Bidang Pengkhususan

Farmasi

### 4. Syarat Khusus Lantikan Pegawai Kontrak (Ditetapkan oleh jabatan)

- (a) Calon telah dilantik kontrak (*Contract of Service*) di KKM berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 4 Tahun 2016;
- (b) Calon telah menamatkan khidmat wajib di KKM;
- (c) Calon merupakan lantikan kontrak mulai **tahun 2018 hingga 2020** sahaja;
- (d) Calon tidak pernah meletak jawatan, tidak pernah ditamatkan perkhidmatan, tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib dan tiada perakuan penamatan kontrak (kecuali atas sebab masalah kesihatan) sepanjang tempoh kontrak;
- (e) Calon tidak pernah menolak tawaran pelantikan tetap; dan
- (f) Calon masih berkhidmat di KKM sehingga tarikh pegawai diarahkan melapor diri sebagai lantikan tetap.

### 5. Keperluan Tambahan

Hanya calon yang telah **memperoleh kelayakan ijazah dan berdaftar** sebagai Ahli Lembaga Farmasi Malaysia **pada atau sebelum tarikh tutup iklan** permohonan jawatan ini layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.

### 6. Maklumat Syarat Lantikan

**Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :**  
<https://spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/ijazah-sarjana-phd/pegawai-farmasi-gred-uf41>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya permohonan masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan**. Walau bagaimanapun, calon perlu memastikan **pusat temu duga dikemas kini** sebelum atau pada tarikh tutup iklan berdasarkan **tempat berkhidmat semasa**. Hanya permohonan calon yang diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses. Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah pada **21 Januari 2023 (Sabtu), jam 11.59 malam**.

**MOHONLAH SECARA ONLINE DI**



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia\_gov



spa.malaysia



SPAJPM